

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

PERKEMBANGAN SIASATAN MyCC TERHADAP INDUSTRI AYAM DAN TELUR

KUALA LUMPUR, 9 MAC 2022 – Pada 1 Februari 2022, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengumumkan penubuhan satu pasukan khas untuk menyiasat isu berkaitan persaingan dalam industri ayam dan telur berikutan arahan yang diterima daripada Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL). Susulan daripada itu, penyiasatan MyCC dalam isu ini sedang berjalan lancar setakat semalam yang termasuk menjalankan aktiviti serbuan dan pengambilan kenyataan perusahaan dan individu yang berkaitan.

Pada masa yang sama, MyCC turut mendapat sokongan dan kerjasama padu dalam aktiviti penyiasatannya dan ini termasuk ada pihak-pihak tertentu yang sedang mempertimbangkan untuk memohon kelonggaran di bawah Seksyen 41 Akta Persaingan 2010 untuk membantu MyCC menyiasat perkara ini.

Selanjutnya, MyCC menjemput mana-mana perusahaan lain, pihak berkepentingan yang relevan serta orang awam untuk turut membantu MyCC dalam penyiasatan ini. Mana-mana pihak yang berminat digesa menghubungi MyCC melalui telefon di 03-2273 2277 (IED) atau emel kepada complaints@mycc.gov.my.

-tamat-



Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Azila Ahmad, Pengarah, Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit : +6019 268 7030

Emel : azilaahmad@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.